

0422

R B075 BAH  
ANWAR - PRESTASI

NIBONG TEBAL, 11 MAC (BERNAMA) -- PROJEK BINA ILMU, YANG MERUPAKAN PROJEK MENGULANG KAJI SECARA TERSUSUN UNTUK MEMBANTU PELAJAR LUAR BANDAR MENINGKATKAN PRESTASI PELAJARAN, AKAN DILANCARKAN AKHIR BULAN INI.

MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM BERKATA, PROJEK ITU AKAN DIJALANKAN SECARA BERSAMA OLEH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI, PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH DAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BAGI MEMBOLEHKAN PELAJAR LUAR BANDAR BERSAING DENGAN PELAJAR DI BANDAR DALAM AKADEMIK.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENJELASKAN CARA-CARA PROJEK ITU AKAN DIJALANKAN.

KEDUDUKAN SEKOLAH DI KAWASAN LUAR BANDAR ATAU KEMISKINAN IBU BAPA TIDAK HARUS DIJADIKAN ALASAN UNTUK GAGAL BERSAING DALAM BIDANG PELAJARAN KERANA KERAJAAN TELAH MELAKUKAN SEGALA YANG TERMAMPU BAGI MEMASTIKAN PELAJAR DAPAT BELAJAR DENGAN SEMPURNA, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA JAMUAN MALAM ANJURAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU (PIBG) SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ACHEH DI SINI MALAM TADI.

ENCIK ANWAR, YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Pandu Penyertaan Bumiputera Negeri, Meluluskan Peruntukan \$50,000 Bagi Membina Bangunan Tambahan Masjid Sungai Acheh Bagi Mengurangkan Kesesakan.

-- LAGI.

1230MST 11 03 90

0423

R B076 BAH  
ANWAR - PRESTASI 2 NIBONG TEBAL

SEMENTARA ITU, SEMASA MERASMIKAN UMNO CAWANGAN SUNGAI BAUNG DI SUNGAI BAKAP, BELIAU BERKATA, ANGGOTA UMNO PERLU MEMASTIKAN CALONNYA MENANG DENGAN UNDI TERBANYAK PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG SERTA CALON PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL MENGEKALKAN KERUSI MASING-MASING.

BAGAIMANAPUN, DALAM USAHA MEMPERTAHANKAN KERUSI UMNO, ANGGOTA PARTI TIDAK HARUS LUPA UNTUK MEMBANTU RAKAN-RAKAN LAIN DALAM BN BAGI MEMENANGI KAWASAN YANG MEREKA TANDINGI, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMINTA MEREKA SUPAYA TIDAK TERPEDAYA DENGAN PIHAK YANG BUKAN SAHAJA CUBA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN SESAMA ORANG MELAYU TETAPI JUGA HUBUNGAN BAIK ANTARA ORANG MELAYU DENGAN BANGSA LAIN DALAM NEGARA. -- BERNAMA.

1232MST 11 03 90